

---

# SEJARAH PENDIDIKAN DI MALAYSIA

---

## Sejarah Pendidikan

Sejarah pendidikan ialah satu kajian yang kompleks. Terkandung di dalamnya doktrin-doktrin dan kaedah-kaedah ahli pendidik bersama-sama dengan hubungan antara setiap seorang pendidik itu dengan beberapa kecondongan atau kemiripan yang bersambungan.

Sejarah pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dengan sejarah umum pemikiran dan diketahui bahawa doktrin pedagogi mempunyai punca-puncanya dan bukan wujud secara tidak sengaja.

Sejarah pendidikan sesebuah negara merupakan keterangan yang menyeluruh mengenai budaya intelek dan moralnya. Ia juga sesuatu yang bercorak sastera, saintifik, keagamaan dan politik.

Mengikut kata-kata Cubberley (E.P. Cubberley, *The History of Education*, Cambridge, Mass: Houghton Mifflin, 1920) "sesuatu sejarah perkembangan dan kemajuan pendidikan mestilah menjadi sebahagian daripada sejarah kemajuan peradaban." Sejarah pendidikan semestinya sejarah sosial.



Kajian sejarah pendidikan sesebuah negara seringkali memperlihatkan satu kenyataan yang menyedihkan iaitu masyarakat dibiarkan manakala pihak pentadbir pula mengenakan idea-idea mereka yang asing atau bertentangan, misalnya penduduk-penduduk Afrika Tengah dikehendaki menghadapi peperiksaan-peperiksaan Cambridge, orang-orang Polynesia bersedia mengambil tempatnya dalam masyarakat kota raya di negeri Perancis, ataupun sebuah negeri yang masih feudal giat menerima penubuhan sekolah-sekolah menengah 'komprehensif' mengikut corak sekolah-sekolah di Amerika.

Oleh kerana dasar-dasar yang merugikan seperti ini maka kita menerima dengan mudahnya hujah yang dibuat oleh Compayre dalam tahun 1887 "iaitu sejarah pedagogi itu satu pengenalan yang perlu kepada pedagogi itu sendiri" (G. Compayre, *The History of Pedagogy*, (seven edition), London: Swan Sonnenschein, 1907).



## Definisi Sejarah Pendidikan

## Sejarah Pendidikan

Perkembangan Politik

Perkembangan Sosial

Perkembangan Ekonomi

Perkembangan Kebudayaan

Perkembangan Lain



## **Semasa Penjajahan British**

Untuk melihat kesan faktor ras dan agama serta usaha-usaha persendirian terhadap perkembangan pendidikan amatlah sesuai kalau diikuti rancangan yang digunakan oleh Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong (*Education in Malaysia*: Heinemann, 1971, m.s. 6 -24 & 36 - 45).

Dalam tahun 1854, pihak pengurus Syarikat Hindia Timur mengarah Gabenor Negeri-Negeri Selat membuat laporan tentang keadaan pendidikan di situ dan kemudiannya menasihatkan Kerajaan India mengenai perkara tersebut. Pihak pengurus mahu kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan awal atau rendah dalam bahasa tempatan, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar; mereka juga sedar kepentingan bahasa Inggeris dari segi nilai kegunaan, mengemukakan pendapat bahawa untuk menyediakan sistem pendidikan yang memuaskan juga bergantung kepada usaha persendirian dan badan-badan dakwah Kristian.

Dalam tahun 1855, sebuah sekolah Melayu dibuka di Bayan Lepas (Pulau Pinang) dan dalam tahun yang berikutnya dua buah sekolah Melayu lagi ditubuhkan, kali ini di Singapura; sebuah di Telok Belanga dan sebuah lagi di Kampung Gelam. Sekolah Melayu Telok Belanga dijadikan sekolah tinggi dalam tahun 1876 dan kemudiannya dijadikan maktab perguruan yang melatih guru-guru untuk sekolah Melayu. Sekolah di Kampung Gelam pula dijadikan



sekolah Koran atau agama hingga dirombak dan diatur semula dalam tahun 1870an oleh A.M. Skinner, Nazir Sekolah-Sekolah yang juga sebelum itu menjadi pemangku majistret di Porvince Wellesley (Seberang Prai). Mulai awal tahun 1870an, pelajaran di sebelah pagi di sekolah-sekolah Melayu ditumpukan kepada pelajaran biasa dan pengajian Koran pula di sebelah petang. Oleh sebab prasangka ibu bapa Melayu terhadap persekolahan bagi anak-anak perempuan, penubuhan sekolah bagi murid-murid perempuan lambat dilaksanakan. Sekolah perempuan Melayu yang pertama ditubuhkan di Telok Belanga dan sebuah lagi di Pulau Pinang dalam tahun 1889.

Pada umumnya sekolah-sekolah Cina ditubuhkan dan dibiayai oleh masyarakat Cina sendiri. Sekolah-sekolah Cina yang mendapat bantuan dari kerajaan dalam kurun ke-19 dikelolakan oleh persatuan-persatuan Mubaligh. Setelah penubuhan Republik Cina dalam bulan Februari 1917 dan pihak Cina menunjukkan minat untuk menyediakan pendidikan awalan, sekolah-sekolah Cina yang dikelolakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa ditubuhkan di beberapa tempat di Semenanjung. Gerakan Bahasa Kebangsaan (Kuo Yue) yang mendapat sokongan daripada Kementerian Pelajaran Cina dalam tahun 1920 mempengaruhi rakyat Cina yang tinggal di luar negeri yang mahukan anak-anak mereka menggunakan Kuo Yue sebab mudah difahami apabila dibandingkan dengan bahasa lama. Dalam tahun 1923,

kerajaan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah Cina yang sanggup menerima pemeriksaan kerajaan.

Dari tahun 1870, sekolah-sekolah Tamil yang kecil mulai berkembang dengan terbukanya ladang-ladang kopi, kelapa dan getah di Seberang Prai, Melaka dan Johor Utara. Sebuah Kanun Buruh yang diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1923 menentukan bahawa bagi sebuah ladang yang terdapat 10 orang kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan (iaitu di antara 7 dan 14 tahun) dikehendaki menyediakan kakitangan untuk sebuah sekolah. Oleh kerana jumlah kanak-kanak India di satu-satu tempat tidak begitu menggalakkan bagi penubuhan sekolah bagi mereka, maka sistem persekolahan Tamil mengalami keadaan yang mengecewakan. Bagaimanapun orang-orang India mengambil kesempatan daripada kemudahan-kemudahan sekolah-sekolah Inggeris yang percuma itu, seperti yang dilakukan oleh kaum Cina.

Sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh mubaligh-mubligh Kristian, sama ada ditubuhkan oleh Persatuan Mubaligh London, Pertubuhan Roman Katholik atau Gereja England terbuka kepada semua kanak-kanak tanpa mengira ras dan agama. Sekolah-sekolah ini menolong menggalakkan persaingan yang sihat dalam sistem pelajaran serta memberi pengajaran agama dan kesusilaan kepada semua lapisan masyarakat. Melalui sekolah-sekolah seperti inilah mubaligh-mubaligh Kristian berjaya menghubungi hampir



semua kaum di Malaysia Barat dan Singapura.

Di Malaysia Barat terdapat pelbagai agama dan susulan etnik. Orang-orang Melayu umumnya taat kepada agama Islam. Kebanyakan orang-orang Cina terdiri daripada penganut Buddha, Confucious atau Tao walaupun ada antaranya yang menganut pelbagai mazhab agama Kristian. Bagi orang-orang India pula hampir kesemuanya penganut agama Hindu.

Guru adalah pivot atau roda bagi mana-mana sistem pelajaran yang berjaya tetapi sejarah latihan perguruan di Malaysia tidak dapat menggambarkan kepentingan ini. Keadaan yang sama dapat kita saksikan juga di tempat-tempat lain di dunia. Sepanjang kurun yang ke-19 dan kurun ke-20 bahasa Inggeris terlalu kuat pengaruhnya di sini. Tetapi tidak banyak usaha dibuat untuk menyedia atau melatih guru-guru untuk sistem pelajaran dalam bahasa ini. Perkara ini hampir-hampir diulangi di Malaysia Barat sekarang.

Di sekolah-sekolah Inggeris hingga pertengahan abad ke-19, kaedah mengajar yang lazimnya digunakan berdasarkan 'monitorial system' yang diperkenalkan oleh Bell dan Lancaster. Sejak pertengahan kurun itu amalan biasa ialah untuk mengambil guru-guru bagi pelajaran peringkat awal dari England iaitu guru-guru yang kebolehan profesionalnya boleh dipersoalkan.



Jawatankuasa Wooley yang meneliti keadaan pelajaran di Singapura dalam tahun 1870 mendapati sistem pelajaran di situ memerlukan lebih banyak guru yang 'terlatih dan yang mempunyai kelayakan tinggi'. Memang pihak berkuasa bagi hal-ehwal pelajaran di Semenanjung cuba memperkenalkan sistem 'bekerja sambil belajar', satu sistem yang mudah dijalankan dan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar, setelah minit British 1846 dikemukakan.

Alat pedagogi - lain sistem monitorial, sistem bekerja sambil belajar, maktab latihan perguruan harian, kelas-kelas normal serta rancangan memasukkan guru terpilih di Universiti Hong Kong membuktikan kesedaran di kalangan pihak yang berkuasa bahawa mereka yang akan bertanggungjawab terhadap kanak-kanak perlu diberi latihan profesional. Perhatian khas, diberi kepada penubuhan Maktab Raffles dalam tahun 1928. Biasiswa dihadiahkan kepada penuntut-penuntut yang bertujuan menjadi guru sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Mereka dikehendaki berkhidmat di sekolah selama tidak kurang daripada lima tahun. Latihan yang diberi bertujuan untuk melengkapi guru-guru untuk mengajar di peringkat menengah di sekolah-sekolah. Ini bertujuan memberi diploma yang sama tarafnya dengan ijazah lulus daripada universiti. Kursus yang panjangnya tiga tahun itu memerlukan pengajian dalam beberapa mata pelajaran yang dipilih daripada salah satu daripada dua kumpulan,





yang pertama mengandungi bahasa Inggeris, Ilmu Alam, Sejarah, Ilmu Hisab dan Ekonomi, yang kedua mengandungi Fizik, Kimia, Hisab Tulin dan Hisab Gunaan. Ilmu pendidikan yang pada mulanya merupakan sebahagian daripada kursus ke arah mendapatkan diploma telah dijadikan kursus berasingan lepasan ijazah selama setahun. Perubahan ini dibuat dalam tahun 1937.

Sejarah latihan perguruan Melayu sebelum perang sangat mengecewakan guru-guru yang tidak terlatih. Pencapaian guru yang rendah menyebabkan banyak guru meninggalkan perkhidmatan perguruan. Usaha-usaha tidak berjaya untuk mendapatkan guru-guru perempuan. Bagaimanapun dengan pembukaan Maktab Perguruan Sultan Idris pada 1 November 1922 dan Maktab Latihan Perguruan Perempuan Melayu di Melaka dalam tahun 1935, guru-guru dari Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan juga Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dapat dilatih. Oleh sebab boleh dikatakan hampir seluruh penduduk Melayu di Semenanjung Tanah Melayu terdiri daripada golongan petani, maka kurikulum sekolah Melayu menitikberatkan pelajaran pertanian. Walau bagaimanapun, Sastera, Seni Pertukangan Tangan, Ilmu Perkebunan dan Pertanian serta mata pelajaran biasa seperti membaca, menulis, Ilmu Hisab dan Ilmu Alam juga diajar. Teori dan kaedah pengajaran juga menjadi bahan pengajaran di maktab-maktab ini.



Oleh sebab pelajaran dalam aliran bahasa Melayu mengalami kesukaran bagi mendapatkan bahan bacaan, didapati sebuah pusat perlu ditubuhkan untuk menjamin bekalan buku lebih mantap. Dalam tahun 1942 pusat yang diberi nama 'Biro Penterjemahan' dibuka dan ditempatkan di Maktab Perguruan Sultan Idris.

Penduduk Jepun di Semenanjung Tanah Melayu selama tiga tahun menimbulkan pelbagai masalah, terutama bagi memulihkan kerajaan awam. Kesihatan, pembekalan makanan, pelajaran dan perhubungan mengalami kerosakan yang teruk semasa perang. Sebaik sahaja perang tamat, perhatian diberi kepada usaha-usaha untuk menghidupkan semula perkhidmatan yang penting ini. Sebelum Jepun menduduki Semenanjung dalam tahun 1941 terdapat kemajuan dalam pelajaran di negeri ini dan nyata sekali pendaftaran sekolah semakin bertambah. Tetapi dengan pendudukan Jepun sistem pelajaran di sini menerima pukulan yang hebat sekali: pendaftaran sekolah, kualiti dan kuantiti pengajaran merosot dan pusat-pusat pengajian tinggi terus tidak dapat berfungsi. Kolej Perubatan King Edward VII dan Kolej Raffles digunakan untuk keperluan pihak kerajaan penjajahan. Bekas penuntutnya bertaburan dan pengajian mereka terhenti begitu sahaja. Apabila kolej-kolej ini dibuka semula dalam tahun 1946, mereka menghadapi tugas untuk membaiki semula bangunan-bangunan itu supaya dapat digunakan semula untuk



maksud asalnya, lengkap dengan peralatan serba baru dan menyambung semula pelajaran bekas penuntutnya.


## **Zaman Merdeka**


Kesedaran kebangsaan dalam lapangan pelajaran hanya wujud setelah Laporan Razak mengutamakan Sistem Pelajaran Kebangsaan yang pertama di Tanah Melayu. Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956 mengasaskan satu sistem pelajaran yang mempunyai ciri-ciri nasional dan menjamin tempat di sekolah-sekolah rendah bagi setiap kanak-kanak di negara ini. Laporan ini juga mengesyorkan perluasan/perkembangan sekolah-sekolah perdagangan/kemahiran dan teknik supaya dapat memenuhi kehendak negara bagi tenaga pekerja yang terlatih. Jawatankuasa itu juga menyatakan bahawa "suatu dasar pelajaran yang boleh diterima oleh semua rakyat mestilah juga berkeupayaan memenuhi aspirasi tiap kaum utama yang telah menjadikan Tanah Melayu tanah air mereka". Sungguhpun demikian, dalam usahanya untuk mewujudkan satu sistem pelajaran nasional, jawatankuasa itu juga mengakui tujuan kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini.

Jawatankuasa itu mengesyorkan bahawa guru-guru di sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun persekolahan di peringkat menengah. Dipersetujui supaya diadakan



## Perkembangan Pendidikan Semasa Penjajahan British







pelbagai jenis sekolah rendah. Kesemuanya terbahagi kepada dua kumpulan:

- a. Sekolah Rendah Kebangsaan yang bahasa penghantar ialah bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu.
- b. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang bahasa penghantar ialah bahasa Kuo Yue, bahasa Tamil atau bahasa Inggeris.

Guru-guru di sekolah ini terdiri daripada guru-guru yang terlatih khususnya untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah setelah mendapat pelajaran sekurang-kurangnya selama tiga tahun di sekolah menengah. Jawatankuasa itu sedar akan kepentingan mengadakan latihan perguruan sepenuh masa sama ada di maktab ataupun melalui latihan harian. Oleh sebab dasar baru ini perlu dilaksanakan dengan cepat, disyorkan bahawa setiap orang guru menjalani latihan sepenuh masa sekurang-kurangnya selama satu tahun dan latihan sambilan selama dua tahun. Keputusan ini merupakan satu kompromi antara dua cara yang difikir lebih baik dan kerana latihan sambilan selama tiga tahun yang dipercayai tidak memuaskan.

Bagi sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum memang sukar untuk mewujudkan satu kebudayaan nasional dalam masa yang singkat, meskipun terdapat desakan yang kuat daripada ahli-ahli politik atau pihak-pihak yang lain. Apa yang boleh diusahakan sekarang ialah



menggalakkan interaksi antara kaum, mengadakan buku-buku teks yang sama untuk digunakan di sekolah-sekolah dan kegiatan lain yang memungkinkan berlakunya interaksi antara kebudayaan, supaya menggalakkan sumbangan daripada kebudayaan-kebudayaan yang berasingan kepada pembentukan kebudayaan nasional dan bukan sebaliknya, iaitu menggalakkan pengasingan atau perpisahan antara kebudayaan yang berlainan ini.

Guru-guru dikehendaki menyemai perasaan bangga terhadap Malaysia di kalangan kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Ini melibatkan usaha menyemaikan perasaan tersebut terhadap simbol-simbol yang melambangkan perpaduan negara umpamanya, bendera negara, institusi Yang di Pertuan Agong atau Perlembagaan negara kita. Walau bagaimanapun mereka yang ingin mewujudkan perasaan atau kesedaran nasional menghadapi satu halangan iaitu kekurangan bahan sejarah yang tercatat dan juga kekurangan tradisi yang menggerakkan emosi rakyat di Tanah Melayu.

Yang penting sekali, bagi mereka yang ingin menyemai, memupuk perasaan bangga dan megah terhadap Tanah Melayu patut menumpukan perhatian kepada toleransi rasa dan menggunakannya sebagai bahan untuk ditegaskan. Ini sesuai kerana membuktikan kebolehan serta kejayaan rakyat mencapai perpaduan dalam sebuah negara yang diselubungi oleh pelbagai perbezaan dan persaingan antara kaum.



## **Dasar Pendidikan Malaysia**

### **Latar belakang**

Dalam tahun-tahun menuju kemerdekaan, timbul kesedaran di kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia tentang betapa mustahaknya diadakan satu sistem pendidikan kebangsaan bagi menggantikan sistem pendidikan penjajah dan memenuhi kehendak negara. Atas kesedaran ini lahirnya satu Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Dasar Pendidikan ini disemak semula dalam tahun 1960 dan menghasilkan Laporan Rahman Talib pada tahun itu. Laporan Rahman Talib ini kemudian dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961.

Kemudian, sebuah Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan tujuan untuk memperbaiki pelaksanaannya supaya matlamat untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai. Laporan jawatankuasa ini diterbitkan dalam tahun 1979.

### **Rasional**

Sistem pendidikan di zaman penjajahan telah berkembang tanpa pertimbangan kepada keperluan pembangunan,





pembinaan identiti kebangsaan dan perpaduan negara. Sistem pendidikan berkenaan mengekalkan tumpuan taat setia rakyat pendatang dan keturunan mereka kepada negara asal mereka dan menekan semangat pembangunan rakyat tempatan. Sistem ini mungkin secocok ketika zaman Tanah Melayu terjajah tetapi apabila Tanah Melayu sudah mencapai kemerdekaan, didapati tidak sesuai lagi. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil bagi menggubal satu sistem pendidikan kebangsaan yang sesuai untuk negara yang merdeka, berdaulat dan mempunyai matlamat sendiri.

## Objektif

Objektif dasar ini adalah dinyatakan dalam Pendahuluan pada Akta Pelajaran 1961 iaitu:

**BAHAWASANYA** dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya.

Objektif ini dinyatakan secara am tetapi dalam melaksanakannya, Kementerian Pendidikan dengan berpanduan kepada Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, telah mentafsirkan sebagai menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja ("tenaga rakyat", istilah yang



digunakan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet) bagi keperluan ekonomi.

Seterusnya, objektif ini dikhususkan lagi apabila Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan dan bidang tugasnya ditetapkan. Ini menunjukkan bahawa Dasar Pendidikan diharapkan dapat memenuhi tenaga rakyat negara ini dalam jangka masa panjang dan pendek untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.

Falsafah Pendidikan Negara yang diasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara dan nyatakan secara bertulis baru-baru ini memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, yang dapat mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Ini menjadi matlamat penting sistem pendidikan kebangsaan.

## **Strategi Pelaksanaan**

Beberapa strategi digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan yang ditetapkan seperti berikut:

- \* menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama;
- \* mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah;



- \* mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua;
- \* melicinkan tatacara pengurusan pendidikan;
- \* meningkatkan mutu pendidikan keseluruhannya dengan menyediakan pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu;
- \* mengadakan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun;
- \* mendemokrasikan pendidikan dari segi peluang dan mutu dengan mengagihkan peruntukan secara adil dan memberi perhatian khas kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dan kawasan luar bandar atau pedalaman;
- \* menyediakan pendidikan rendah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Menyediakan pendidikan menengah mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan persepaduan antara unsur-unsur intelektual, rohani, emosi dan jasmani;
- \* memperluaskan pendidikan vokasional dan teknik;
- \* mempelbagai dan memperbanyakkan kemudahan pendidikan di peringkat universiti terutama dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan;



- \* mempertingkatkan pendidikan kerohanian, moral dan disiplin;
- \* menjadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah-sekolah dan memberi peluang yang sempurna bagi pembelajaran bahasa-bahasa lain seperti bahasa Cina dan Bahasa Tamil.
- \* menggalakkan aktiviti kokurikulum yang memupuk disiplin seperti pasukan-pasukan kadet tentera, kadet polis, pengakap, puteri Islam dan lain-lain.

## **Penyata/Laporan Pendidikan**

### **LAPORAN BARNES**

Laporan ini disediakan oleh jawatankuasa mengenai pendidikan Melayu pada tahun 1950.

|           |   |                                                            |
|-----------|---|------------------------------------------------------------|
| Pengerusi | : | En. L.J. Barnes                                            |
|           |   | Pengarah Bahagian Latihan<br>Sosial Universiti Oxford      |
| Tujuan    | : | Menyelidik dan memperbaiki<br>pendidikan bagi orang Melayu |
| Tahun     | : | 1951                                                       |
| Cadangan  | : |                                                            |



Keseluruhan cadangan ini melibatkan rombakan sistem pendidikan, antara lain:

- i. Menubuhkan sekolah-sekolah dwibahasa dengan bahasa penghantar bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.
- ii Sekolah-sekolah venakular Melayu, Cina dan Tamil ditukarkan secara beransur-ansur kepada sekolah kebangsaan dengan memperkenalkan aliran kebangsaan.

## **LAPORAN FENN-WU**

Laporan ini disediakan oleh jawatankuasa mengenai pendidikan Cina pada tahun 1951.

Pengerusi : Dr. Fenn

Setiausaha Kerja Bersekutu  
kepada Lembaga Amanah bagi  
beberapa buah universiti di  
negeri China

dan

Dr. Wu

Pertubuhan Bangsa-Bangsa  
Bersatu

Tujuan : Melayani kehendak-kehendak  
Masyarakat Cina yang



menganggap Laporan Barnes  
sebagai percubaan  
menghapuskan bahasa dan  
budaya orang-orang Cina

Tahun : 1951

Cadangan : Memperakukan pengkelan dan  
pembaikan sekolah-sekolah  
Cina

Kesannya : Kerajaan menubuhkan  
Jawatankuasa Penasihat Pusat  
mengenai pendidikan dengan  
tujuan untuk mengkaji  
cadangan kedua-dua laporan  
dan mencari satu kompromi  
daripada kedua-dua pendapat

Cadangan : Dikenali juga sebagai Ordinan  
Pelajaran 1952 dan antara ciri-  
ciri penting ialah

i. Memajukan sistem  
sekolah kebangsaan dengan  
pengenalan beransur-ansur



dwibahasa kepada sekolah-  
sekolah vernakular Melayu.

ii. Mengadakan tiga bahasa  
kepada sekolah vernakular  
Melayu, Cina India melalui  
kelas bahasa kebangsaan.

iii. Mengekalkan sekolah-  
sekolah aliran Jenis  
Kebangsaan (Inggeris) yang  
sedia ada

iv. Mengembangkan sekolah-  
sekolah vokasional

## LAPORAN RAZAK

Laporan ini disediakan oleh Jawatankuasa Mengkaji  
Semula Dasar Pelajaran (1956).

Pengerusi : Y.B. Dato' Abdul Razak Hussein  
Menteri Pelajaran Persekutuan  
Tanah Melayu



## **Bidang Tugas :**

- i. Memeriksa Dasar Pelajaran yang sedang ada dan mengesyorkan perubahan dan penyesuaian.
- ii. Memeriksa struktur pendidikan negeri termasuk perkara yang terdapat dalam Ordinan Pelajaran 1952, perubahan atau penyesuaian dengan langkah pelaksanaan mengikut Kertas Mesyuarat Fasal Dasar Pelajaran (No. 67 - 1954).

Tujuan :

- i. Menubuhkan suatu sistem pendidikan kebangsaan.
- ii. Menggalakkan mereka maju sebagai satu bangsa di lapangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik
- iii. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping memelihara perkembangan bahasa dan budaya kaum-kaum lain

Tahun : 1956

Cadangan :

Pada keseluruhan laporan ini mencadangkan 17 perakuan antara lain:

- i. Sekolah hanya diadakan 2 jenis - sekolah-sekolah rendah bersendiria atau yang menerima bantuan dan sekolah-sekolah menengah bersendiria atau yang mendapat bantuan terus.





- ii. Sekolah-sekolah rendah yang bahasa penghantarnya Melayu ditukarkan kepada sekolah umum, manakala sekolah-sekolah jenis umum bagi bahasa penghantarnya Cina atau Tamil.
- iii. Menubuhkan satu jenis sekolah menengah kebangsaan bagi semua bangsa dengan sukatan pelajaran yang sama, kurikulum mudah lentur dengan membenarkan semua bahasa dan budaya Tanah Melayu dalam ruang bahasa pengantar yang pelbagai.
- v. Mewujudkan sukatan pelajaran dan jadual waktu yang sama bagi menjamin semangat negara Tanah Melayu tetap dipelihara.
- vi. Memupuk perkembangan bahasa kebangsaan dan mempertingkatkan pengetahuan mengenainya di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

Kesannya :

- i. Memperluaskan keupayaan latihan perguruan dengan menubuhkan dua maktab perguruan di seberang laut di samping mengadakan latihan perguruan di Tanah Melayu seperti di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru.
- ii. Menubuhkan Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1949 dalam memenuhi permintaan terhadap pengajian tinggi dalam negeri.



## **LAPORAN RAHMAN TALIB (1960)**

Laporan ini disediakan oleh Jawatankuasa Penyemak  
Dasar Pelajaran Kebangsaan pada Jun 1960.

Pengerusi : Y.B. En. Rahman Talib  
Menteri Pelajaran Persekutuan  
Tanah Melayu

Tujuan :

Mengkaji semua Dasar Pelajaran Kebangsaan dan  
membuat perakuan-perakuan utama untuk digabungkan  
dalam Akta Pelajaran 1961.

Cadangan :

Perakuan-perakuan jawatankuasa ini mempunyai kaitan  
penting dalam perkembangan pendidikan pada tahun-tahun  
1960an. Antara lain ialah :

- i. Mengadakan pendidikan rendah yang menyeluruh  
secara percuma.
- ii. Sistem naik darjah secara automatik diadakan sehingga  
ke tingkatan III.
- iii. Mengadakan peperiksaan penilaian darjah V.
- iv. Memperbaiki sekolah-sekolah rendah vernakular.
- v. Mempertingkatkan pendidikan teknik dan vokasional.



- vi. Menjamin mutu pelajaran di sekolah rendah terkawal dengan penubuhan Jemaah Nazir Persekutuan.
- vii. Mengembangkan program latihan guru.
- viii. Menyediakan pengajaran agama dan moral
- ix. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama

Kesannya :

Dalam pada itu pada tahun 1965 sistem pendidikan yang menyeluruh diperkenalkan di peringkat menengah rendah, sekolah akademik dengan memperkenalkan mata pelajaran pra-vokasional yang terdiri daripada Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga, Sains Pertanian dan Perdagangan.

Dalam melaksanakan Akta Pelajaran 1961 (kemudian diperluaskan ke Sarawak dan Sabah pada tahun 1976) beberapa bahagian ditubuhkan dan beberapa jawatankuasa dibentuk di peringkat Kementerian Pendidikan. Antara bahagian-bahagian berkenaan ialah:

1963 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran  
1967 Biro Buku Teks

## **Dasar Pelajaran Selepas 1959**

Dalam bulan Februari 1960, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji semula dasar pelajaran 1956 bagi mengkaji pelaksanaannya



pada masa-masa yang lampau dan juga pada masa yang akan datang. Memberi perhatian kepada implikasi nasional dan kewangan dan mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan sistem pelajaran percuma di peringkat rendah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran pada masa itu En. Abdul Rahman bin Haji Talib dan daripada laporan ini mendapat namanya.

Hasilnya beberapa tindakan berikut telah diambil antara tahun 1963 dan 1965.

- i. Rancangan program dan kursus pengajaran dapat dilaksanakan.
- ii. Percubaan-percubaan dibuat untuk mengadakan satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat diterima oleh seluruh rakyat Malaysia.
- iii. Perubahan-perubahan yang dibuat khususnya berkaitan dengan bahasa.
- iv. Perubahan dan perkembangan mengikut suasana sosio-ekonomi.


Sistem pelajaran aneka jurusan diperkenalkan dalam tahun 1965.

Tujuannya ialah untuk:


- i. Mengubah bentuk dan isi pelajaran di peringkat kedua atau menengah rendah.

## SISTEM PELAJARAN TANAH MELAYU 1956

Gambar rajah menunjukkan kemajuan murid-murid di bawah polisi pelajaran yang dicadangkan



### PERAKUAN LAPORAN RAZAK





- ii. Menyediakan lebih banyak lagi kursus yang telah diperkembang serta dipelbagaikan.
- iii. Menyediakan guru-guru untuk pelajaran rendah serta juruteknik peringkat rendah.
- IV. Mengaitkan pelajaran dengan pembangunan.

Prinsip pembelajaran aneka jurusan ialah:

- i. Setiap murid menerima pelajaran formal sekurang-kurangnya selama 9 tahun iaitu 6 tahun di peringkat rendah dan 3 tahun di peringkat menengah rendah.
- ii. Kursus-kursus yang disediakan sesuai dengan kecenderungan serta kebolehan pelbagai golongan murid.
- iii. Perbezaan dalam kurikulum wujud melalui pilihan murid-murid itu sendiri dan bukanlah dikenakan ke atas mereka melalui keperluan sembarangan oleh guru besar atau mana-mana pihak yang berkuasa.
- iv. Menentukan aliran mengikut kecenderungan serta kebolehan murid dilakukan pada tahun akhir pelajaran aneka jurusan dan selepas peringkat aneka jurusan diberi panduan untuk mengesan kecenderungan serta minat mereka sendiri.



## **LAPORAN KABINET 1979**

Laporan ini disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet  
Mengenai Pelajaran 1974.

Pengerusi : Y.B. Dr. Mahathir Mohamad  
Menteri Pelajaran Malaysia

Bidang :

Mengkaji masalah dan rintangan yang terdapat dalam  
sistem pendidikan semasa.

Tahun : 1979

Cadangan :

- i. Menyamartakan peluang pendidikan.
- ii. Memperbaiki peluang pencapaian pendidikan di kalangan belia terutama golongan yang tidak bernasib baik.
- iii. Memajukan nilai moral dan etika serta kewarganegaraan di kalangan murid sekolah.
- iv. Menekankan pelajaran yang berorientasikan vokasional.
- v. Menjamin kelancaran pengurusan profesional dan pentadbir sistem pendidikan.





Kesannya :

Laporan ini merumuskan 173 perakuan penting, antara lain:

- i. Pendidikan peringkat rendah merupakan pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh merangkumi pendidikan asas dan perkembangan bakat kanak-kanak (KBSR).
- ii. Memperkenalkan konsep pembelajaran secara menyeluruh dan bersepadu dengan mengambil kira aspek kemahiran belajar (KBSM).
- iii. Sistem persekolahan di peringkat rendah yang sedia ada diteruskan.

## **Kesimpulan**

Kerajaan kolonial lebih mengutamakan perdagangan yang dapat membina serta membiayai sekolah-sekolah Melayu, memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Inggeris, membiayai beberapa biasiswa kepada mereka yang berfaedah dari segi kebendaan dan di peringkat awal telah menyumbangkan kepada kurikulum sekolah dan pengaruhnya terhadap perdagangan dan linguistik.

Inisiatif dalam bidang pelajaran bukan datangnya daripada kerajaan tetapi daripada persatuan-persatuan mubaligh Kristian, kumpulan persendirian dan orang-orang perseorangan.



Dalam tahun-tahun selepas perang sewaktu negara ini terpaksa menumpukan segala daya usaha dan tenaganya ke arah pembinaan semula selepas pendudukan Jepun, wujud pula kesedaran kebangsaan. Jawatankuasa Razak mengkaji nilai sebuah bahasa yang diterima oleh semua rakyat sebagai faktor yang boleh menyatupadukan rakyat seterusnya dasar bahasa kebangsaan dilaksanakan dalam bidang pelajaran melalui beberapa langkah.

Rancangan Lima Tahun Malaysia selain daripada memperkuatkan usaha ke arah pembangunan negara mulai merintis jalan ke arah menyusun semula masyarakat dan ekonomi Malaysia pada waktu yang sama juga pihak perancang mencari jalan untuk meningkatkan pembangunan moral dan intelek.

Dua perkara yang menghalang pencapaiannya ialah pertama penerimaan sesuatu idea tanpa berusaha mengamalkannya dan kedua mengikut jalan yang lebih senang apabila menghadapi cabaran dan sebarang kelemahan tenaga manusia, kuantiti dan kualiti akan lebih dipertingkatkan.



## **Rujukan**

Cubberley, E.P. (1920) *The History of Education*, Cambridge, Mass: Houghton Mifflin.

Compayre, G. (1907) *The History of Pedagogy*, (seven edition), London: Swan Sonnenschein.

Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong. (1971) *Education in Malaysia*: Heinemann.

